

The image features a large, abstract graphic on the left side, composed of several overlapping, curved shapes. The colors transition from a vibrant red at the top left, through orange and yellow, to a deep blue at the bottom right. The shapes are layered, creating a sense of depth and movement. The text is positioned to the right of this graphic, set against a plain white background.

SUMBER :

INTERNET

BANGUNAN SULTAN IBRAHIM, BUKIT TIMBALAN, JOHOR BAHARU

Bangunan Sultan Ibrahim merupakan Bangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor yang menempatkan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Johor. Rekabentuk bangunannya yang unik serta kedudukannya yang terletak di atas Bukit Timbalan memberi identiti tersendiri kepada bangunan bersejarah yang menjadi mercu tanda bagi bandar Johor Bahru. Bangunan ini dibina atas titah Sultan Johor, DYMM Almarhum Sultan Ibrahim untuk dijadikan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor serta melambangkan keagungan kerajaan negeri Johor yang sedang berkembang maju. Ini kerana sejak daripada perpindahan pusat pentadbiran Johor dari Teluk Belanga, Singapura ke Tanjung Puteri (kemudiannya dinamakan Johor Bahru) pada tahun 1866 pusat pentadbiran kerajaan belum mempunyai bangunannya sendiri. Dengan pembinaan bangunan baru ini pejabat-pejabat Kerajaan negeri dapat disatukan di bawah satu tempat bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan Kerajaan.

Cadangan untuk membina bangunan ini bermula pada tahun 1929, namun akibat daripada kemerosotan ekonomi pada tahun 1930 maka cadangan itu telah ditunda. Pada tahun 1937, pelan bangunan yang direka bentuk oleh arkitek Messrs Palmer dan Turner telah diterima dan dipersetujui. Lanjutan daripada itu pada 7 November 1938, Tengku Mahkota Johor, YAM. Tunku Ismail (Pemangku Raja Johor) berkenan menyempurnakan upacara menambak tanah di tapak pembinaan bagi menandakan bermulanya kerja-kerja pembinaan. Pada 10 Mac 1940, YAM Tunku Mahkota Johor sekali lagi berkenan menyempurnakan upacara perletakan batu asas pembinaan bangunan ini. Pada upacara tersebut, Mufti Kerajaan Negeri Johor, Tuan Syed Alwi telah mengetuai bacaan doa selamat.

Sekitar tahun 1941, kerja-kerja pembinaan bangunan ini terhenti ekoran daripada Perang Dunia Kedua yang telah merebak ke Tanah Melayu. Peperangan ini telah menjejaskan beberapa bahagian dinding bangunan yang masih dalam proses pembinaan. Dinding yang menghadap ke Selat Tebrau telah terkena bedilan meriam dari arah Singapura. Selepas perang kerja-kerja pembinaan bangunan ini diteruskan oleh kontraktor Messrs United Engineers dan Ah Hong and Company di bawah pengawasan arkitek Messrs Palmer dan Turner. Menjelang akhir tahun 1942 bangunan setinggi sebelas tingkat dan menelan belanja sebanyak RM2 juta ini siap sepenuhnya.

Keunikan reka bentuk dan senibina yang dihasilkan adalah gabungan senibina Melayu Johor, Islam dan Kolonial. Pada bahagian hadapan iaitu ruang tengahnya terdapat lukisan lapan bintang pada lantainya yang melambangkan lapan daerah di negeri Johor. Manakala pada pintu masuknya terdapat ukiran berbentuk menara dan pada tiang-tiangnya pula terdapat ukiran menarik bermotifkan tumbuhan-tumbuhan seperti bunga cengkih dan lada hitam yang melambangkan hasil utama negeri Johor suatu masa dahulu.

Pemindahan pejabat-pejabat lain ke bangunan baru ini dan perayaan pembukaannya telah diadakan pada hari Selasa 3 November 1942 iaitu 'Hari Meiji Setsu' bersamaan 3 November 1942. Bangunan ini selain menempatkan pejabat-pejabat kerajaan negeri,

juga berfungsi sebagai tempat berlangsungnya Mesyuarat Dewan Undangan Negeri . Sebagai mengenang jasa Almarhum Sultan Ibrahim yang menitahkan pembinaan bangunan ini, pada 9 Ogos 1982, bangunan ini diisytiharkan namanya sebagai Bangunan Sultan Ibrahim oleh Sultan Johor (nama Sultan)

Sehingga kini bangunan Sultan Ibrahim tetap teguh berdiri di atas Bukit Timbalan menyaksikan arus Pembangunan Johor Bahru yang semakin pesat membangun dan fungsinya sebagai salah sebuah bangunan pejabat-pejabat Kerajaan tetap terpelihara bersama keaslian bentuknya yang unik dan menarik itu.



MASJID ABU BAKAR, JOHOR

Masjid Abu Bakar bukan sahaja terkenal kerana seni binanya yang menarik tetapi juga kedudukannya di pinggir Selat Tebrau dan kedewasaan usianya. Walaupun kini usianya telah melebihi 100 tahun namun keaslian bentuk seni binanya tetap tidak berubah dan sentiasa teguh berbanding dengan bangunan Istana Besar yang berhampiran dengannya yang telah pun diubahsuaikan.

Masjid ini mula dibina pada tahun 1893. Upacara perletakan batu asas Masjid Abu Bakar telah disempurnakan pada 1 Muharram 1310 Hijrah bersamaan 26 Julai 1892 Masehi dan siap sepenuhnya pada tahun 1900. Jurutera yang bertanggungjawab ke atas pembinaan masjid ini ialah YB Dato' Yahya Awaluddin. Manakala pelukis pelan dan kerja-kerja pembangunan masjid oleh Tuan Haji Mohamad Arif bin Punak.

Masjid yang menelan belanja sebanyak RM 400,000 ini telah dibuka dengan rasmi oleh DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar dan diberi nama Masjid Abu Bakar mengambill sempena nama ayahanda baginda Almarhum Sultan Abu Bakar yang menitahkan pembinaan masjid ini.

Masjid Abu Bakar ini mula digunakan buat pertama kalinya pada hari Jumaat 1 Syawal 1317 Hijrah bersamaan 2 Februari 1900 Masehi untuk Sembahyang Jumaat. Masjid ini dapat menampung lebih 2500 orang jemaah bagi satu-satu waktu. Masjid yang masih teguh dan digunakan sehingga kini ini mempunyai ciri-ciri rekabentuk masjid-masjid di Asia Barat. Masjid Abu Bakar mempunyai menara dua tingkat iaitu bulat di bahagian atas dan empat segi di bahagian bawah serta berkubah.

Empat buah menara berkubah masjid ini juga dihiasi dengan lampu-lampu yang diimport dari Turki serta ukiran-ukiran yang menarik pada tiang-tiangnya khasnya pada mimbar tempat khatib membaca khutbah. Manakala batu marmar yang menghiasi masjid juga diimport dari Itali dan tempat bara dari Negeri China. Ukiran-ukiran yang terdapat di masjid ini dikatakan ada persamaannya dengan ukiran-ukiran yang terdapat di Masjid Sultan Hassan, Mesir dan juga Masjid Imam Shafie.

Selain itu, ruang beranda juga disediakan untuk pelawat-pelawat yang ingin melihat di sekeliling masjid dan untuk para jemaah beristirehat. Bagi tujuan menjaga kebersihan masjid, tempat mengambil wuduk dikhususkan di bahagian bawah masjid. Di sebelah tempat mengambil wuduk ini disediakan satu ambun untuk para pelawat atau musafir beristirehat. Satu lagi keistimewaan masjid ini ialah suasananya yang sejuk dan nyaman sepanjang masa walaupun ketika musim panas, ini disebabkan kedudukannya di atas bukit.

Kini masjid yang hampir mencapai usia melebihi 100 tahun ini tetap setia mengabadikan diri kepada penduduk-penduduk bandar Johor Bahru dan sentiasa mengajak orang ramai mengingati Tuhan menerusi azan yang berkumandang dari puncak menaranya pada setiap kali masuknya waktu solat.



Sumber : <http://www.arkib.gov.my>
Tarikh Akses : 19 Mac 2013

Masjid Sultan Abu Bakar



Latar Belakang

Masjid Sultan Abu Bakar tersergam di atas sebuah bukit berhampiran bandar Johor Bahru dan mempunyai pemandangan indah Selat Johor dan Singapura. Masjid ini merupakan salah sebuah masjid lama yang tercantik di Malaysia.

Masjid Sultan Abu Bakar dibina pada 1 Muharam 1310 Hijri bersamaan 26 Julai 1892 Masihi, atas titah Sultan Abu Bakar. Ia terletak berhampiran pejabat Majlis Agama Islam dan Istana Besar Johor Bahru, iaitu di atas Bukit Kecil di Jalan Tun Dr. Ismail, mengadap Selat Tebrau, menjadikan ia antara bangunan yang mempunyai pemandangan yang indah di Johor Bahru. Upacara perasmian masjid ini telah disempurnakan oleh Sultan Ibrahim (1895-1959) pada 1 Syawal 1317 bersamaan 2 Februari 1900 Masihi. Nama masjid ini diambil sempena nama Sultan Abu Bakar sendiri atau dikenali sebagai Bapa Johor Moden. Masjid ini boleh memuatkan seramai 2,000 orang jemaah pada satu-satu masa.


Binaan

Gaya reka bentuk bangunan di zaman kolonial bercampur pengaruh seni bina tempatan amat ketara pada reka bentuk bangunan Masjid Sultan Abu Bakar ini. Reka bentuk bumbungnya bercirikan seni bina Moghul dan tradisional dengan mengaplikasikan konsep bumbung limas. Dinding masjid pula mempunyai kemasam yang dihiasi dengan plaster berukir seperti yang digunakan pada tingkap, pintu dan tiang masjid. Panel-panel marmar di permukaan lantai masjid diimport dari Itali manakala kaca berwarna di atas kubah diimport dari Venice. Keseluruhan bangunan masjid menggunakan konkrit sebagai bahan asas, manakala struktur bumbungnya disokong oleh kerangka keluli. Reka bentuk masjid ini hasil kreativiti arkitek dan jurutera tempatan Johor, iaitu Haji Butawif bin Haji Mohamad Arif dan Dato' Yahya bin Awaluddin. Masjid yang terbesar di Negeri Johor ini mempunyai

pengikat tiang yang diukir hasil adaptasi daripada seni bina klasik Timur Tengah seperti yang terdapat di beberapa buah masjid di Mesir, antaranya Masjid Kaiet Bey, Masjid Markouk, Masjid Sultan Hasan dan Masjid Imam Syafei.

Sumber : <http://www.islamgrid.gov.my>
Tarikh Akses : 19 Mac 2013

Sultan Abu Bakar Mosque



" Perched upon a hill-top, the mosque combines the neo-classical Western and Islamic architecture, and is regarded as one of the most beautiful mosques in Malaysia."

The Sultan Abu Bakar Mosque is regarded as one of the most beautiful mosques in Malaysia, with its amazing combination of Western neo-classical and Islamic architecture.

This mosque can accommodate about 2,000 worshippers at any one time. The mosque is strategically located on top of a hill on Jalan Abu Bakar, overlooking the Straits of Tebrau.

Sultan Abu Bakar mosque was named after the late Sultan Abu Bakar, the "Father of Modern Johor", who laid the foundation stone in 1892. Construction of the mosque was completed in 1900, a few years after his death. Today, the Sultan Abu Bakar Mosque is listed as a protected heritage monument by the Department of Museums and Antiquities.

Sumber : <http://www.johortourism.com.my>

Tarikh Akses : 19 Mac 2013



Bangunan Sultan Ibrahim

" Bangunan Sultan Ibrahim, the State Secretariat Building is located on Bukit Timbalan. It houses the state secretariat as well as other offices of the state government."

The building was constructed between 1936 and 1939. It was officially opened by the late Sultan Ibrahim of [Johor](#) a year later. Its architecture combines colonial and Malay architecture with its Saracenic design and tower making it a landmark in [Johor](#) Bahru. Today, it houses the Menteri Besar's (Chief Minister) office and State Assembly hall.

It was also the tallest building in the country during the pre-Merdeka era. In [Johor](#) Bahru itself, it stood unchallenged as the tallest building in the town until the completion of the Merlin Tower in the 1970s.

Sumber : <http://www.virtualmalaysia.com>

Tarikh Akses : 19 Mac 2013